



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsemilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (26)

Tarikh :  Januari 2021

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Semua Pusat Pembayar Gaji
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 4 TAHUN 2021 : PROSES PERGERAKAN GAJI TAHUNAN (PGT) SECARA PUKAL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat penambahbaikan ke atas Sistem Emolumen Berkomputer (HCM Payroll) dengan menambah fungsi proses Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) secara pukal. Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pembayar Gaji boleh melaksanakan proses PGT Pukal ini berkuatkuasa bulan Januari 2021.

3. Bagi memastikan proses PGT Pukal ini dilaksanakan dengan teratur, PTJ dan Pusat Pembayar Gaji adalah dipohon untuk memberi perhatian ke atas perkara-perkara berikut :

- 3.1 Pemberian PGT masih tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia. Sehubungan itu, proses PGT Pukal ini hanya boleh dilaksanakan setelah kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia diperoleh.

- 3.2 Kriteria pegawai yang diambil kira dalam proses PGT Pukal ini ialah :

Employment Status 3	:	Aktif
Employee Group A	:	Jawatan Tetap
Employee Group B	:	Jawatan Bukan Tetap
Pay Scale Type 03	:	SSM (T)

- 3.3 Kaedah pengiraan proses PGT Pukal adalah PGT berkeadaan biasa sedia ada iaitu yang berdasarkan gaji hakiki pegawai ditambah dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut gred, terhad kepada amaun gaji maksimum selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa.

- 3.4 PGT Pukal ini akan mengemaskini gaji pokok dan elauan yang berkadar dengan gaji pokok secara automatik. Senarai wagetype yang terlibat di bawah PGT Pukal ini adalah seperti berikut :

Jenis Bayaran	:	Wagetype
Gaji Pokok	:	0001
Bayaran Insentif Wilayah	:	1254
Bantuan Hidup Susah	:	1326
Bantuan Insentif Perkhidmatan Kritikal	:	1500

- 3.5 Bagi PGT yang memerlukan perkiraan dan semakan lebih lanjut, PTJ / Pusat Pembayar Gaji hendaklah mengemaskini PGT tersebut secara manual di PA30.
- 3.6 Proses PGT Pukal ini hanya boleh dilaksanakan untuk perubahan gaji bulan semasa sahaja. Tunggakan PGT hendaklah dikunci masuk secara manual di PA30.

Contohnya : Tarikh PGT pegawai adalah pada bulan Januari. Kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia diterima pada 31 Mac 2021. PTJ / Pusat Pembayar Gaji boleh melaksanakan proses PGT Pukal untuk perubahan gaji bagi bulan April 2021. Walau bagaimanapun, tunggakan PGT bagi bulan Januari 2021 hingga Mac 2021 hendaklah dikunci masuk secara manual di PA30.

- 3.7 PTJ / Pusat Pembayar Gaji hendaklah menyediakan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR.JPA 2-Pin.1/96). Maklumat PGT ini hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.
- 3.8 Penyediaan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) adalah dikecualikan di bawah proses PGT Pukal. Walau bagaimanapun, sekiranya PTJ / Pusat Pembayar Gaji membuat kunci masuk PGT secara manual di PA30, Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) hendaklah disediakan.

4. Bersama-sama ini disertakan Carta Alir Proses Pergerakan Gaji Tahunan (seperti di **Lampiran A**) dan Manual Latihan Proses PGT Pukal (HCM-1125) dan untuk rujukan PTJ / Pusat Pembayar Gaji. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai Unit Gaji JANM Negeri Sembilan di talian 06-7686800.

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'


Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

PROSES PERGERAKAN GAJI TAHUNAN



BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	
			A	Cetak laporan
4.	iv. Pegawai yang berbeza bulan PGT dan Gred. Jana semula laporan ZRPY070 untuk semakan akhir.	Penyedia (PTJ)		
5.	Kemaskini PGT Update pegawai (rujuk MP HCM-1125).	Penyedia (PTJ)	Sedia senarai pegawai yang layak tunggakan	
6.	Cetak laporan PGT Update dan pastikan pegawai penyemak dan pengesah menandatangani laporan tersebut. Failkan laporan. Kew.320 tidak perlu disediakan di bawah PGT Pukal.	Penyedia / Penyemak (PTJ)	Kemaskini tunggakan	
7.	PTJ perlu menyediakan senarai pegawai yang layak menerima tunggakan PGT dan perubahan elaun-elaun berkaitan.	Penyedia (PTJ)	Jana dan cetak Laporan Edit. Sambung proses HCM01	
8.	Kemaskini tunggakan PGT dan elaun-elaun di PA30.	Penyedia (PTJ)	Hantar laporan	
9.	Jana dan cetak Laporan Edit (MP HCM-002 Para 3.11). Sambung langkah seterusnya seperti di HCM 01 (langkah 7 hingga seterusnya).	Penyedia / Penyemak (PTJ)	Tamat	
10.	Hantar laporan ZRPY070 yang telah dikemaskini ke PPSM untuk tujuan pengeluaran Kew.8 dan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan.	Penyedia / Penyemak (PTJ)		

Nota Penting:

1. Nombor gaji pegawai yang perlu dikunci masuk pada medan Exclude adalah seperti berikut :
 - (a) Pegawai yang dibayar Elaun Memangku (bagi pegawai yang dibayar Elaun Memangku yang tidak bersamaan dengan satu KGT).
 - (b) Pegawai yang terlibat dengan tindakan tatatertib.
 - (c) Pegawai yang akan bersara mengikut PGT.
 - (d) Pegawai yang berbeza bulan PGT dang red.
2. Bagi pegawai-pegawai di para 1, PTJ / Pusat Pembayar Gaji hendaklah mengambil tindakan berikut :
 - (a) Senak kelayakan KGT dan elaun berkaitan.
 - (b) Sedia Kew.8.
 - (c) Sedia Kew.320.
 - (d) Kunci masuk dalam sistem melalui PA30.
3. Bagi pegawai di para 1(a), Kew.8 perlu dikeluarkan lebih awal dari bulan kenaikan gaji supaya kenaikan gaji pegawai dapat dilaksanakan pada bulan yang sama dengan pegawai lain menggunakan ZRPY070.